

Notice to Proxies Under The Personal Data Protection Act 2010

Sime Darby Property Berhad ("Sime Darby Property" or "we" or "us" or "our") strives to protect your personal data in accordance with the Personal Data Protection Act 2010 ("the Act"). The Act was enacted to regulate the processing of personal data. To comply with the Act, we are required to manage the personal data that we collect from you relating to your acting as a proxy for a shareholder in Sime Darby Property.

The purposes for which your personal data may be used are, but not limited to:

- Internal record keeping including but not limited to the registration of attendance at the general meeting(s)
- To communicate with you as a proxy for a shareholder of Sime Darby Property
- For security and fraud prevention purposes
- For the purposes of statistical analysis of data
- For the purposes of our corporate governance
- To comply with any legal, statutory and/or regulatory requirements

(collectively, "the Purposes").

Your personal data is or will be collected from information provided by you, including but not limited to, postal, facsimile, telephone and e-mail communications with or from you, and information provided by third parties, including but not limited to, Bursa Malaysia Berhad and any other stock exchange, and your stockbrokers and remisiers.

You may be required to supply us with your name, NRIC No. and correspondence address.

If you fail to supply us with such personal data, we may not be able to process and/or disclose your personal data for any of the Purposes.

Please be informed that your personal data may be disclosed, disseminated and/or transferred to companies within the Sime Darby Property Group (including the holding company, subsidiaries, related and affiliated companies, both local and international), whether present or future (collectively, "the Group") or to any third party organisations or persons for the purpose of fulfilling our obligations to you in respect of the Purposes and all such other purposes that are related to the Purposes and also in providing integrated services, maintaining and storing records including but not limited to the share registrar(s) appointed by us to manage the registration of shareholders.

The processing, disclosure, dissemination and/or transfer of your personal data by us and/or the Group and/or third party organisations or persons may result in your personal data being transferred outside of Malaysia.

To this end, we are committed to ensuring the confidentiality, protection, security and accuracy of your personal data made available to us. It is your obligation to ensure that all personal data submitted to us and retained by us are accurate, not misleading, updated and complete in all aspects. For the avoidance of doubt, we and/or the Group and/or our or their employees or authorised officers or agents will not be responsible for any personal data submitted by you to us that is inaccurate, misleading, not up to date and incomplete.

Further, we may request your assistance to procure the consent of third parties whose personal data is made available by you to us and you hereby agree to use your best endeavours to do so.

You may at any time after the submission of your personal data to us, request for access to your personal data from Tricor Investor & Issuing House Services Sdn Bhd if:

- you require access to and/or wish to make corrections to your personal data subject to compliance of such request for access or correction not being refused under the provisions of the Act and/or existing laws; or
- you wish to enquire about your personal data.

Tricor Investor & Issuing House Services Sdn Bhd
Unit 32-01, Level 32, Tower A
Vertical Business Suite
Avenue 3, Bangsar South
No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur.

Attention : Ms Lim Lay Kiow, Senior Manager
Tel No. : +603 2783 9299
E-mail : lay.kiow.lim@my.tricorglobal.com

Any personal data retained by us shall be destroyed and/or deleted from our records and system in accordance with our retention policy in the event such data is no longer required for the said Purposes.

In the event of any inconsistency between the English version and the Bahasa Malaysia version of this Notice, the English version shall prevail over the Bahasa Malaysia version.

We trust that you will consent to the processing of your personal data and that you declare that you have read, understood and accepted the statements and terms herein.

➤ Notis kepada Proksi Di Bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

Sime Darby Property Berhad ("Sime Darby Property" atau "kami") bermatlamat untuk melindungi data peribadi anda selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Akta"). Akta tersebut diperbuat untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi. Bagi mematuhi Akta tersebut, kami dikehendaki untuk menguruskan data peribadi yang kami kumpulkan daripada anda berkenaan dengan perwakilan anda sebagai proksi untuk pemegang saham Sime Darby Property.

Tujuan penggunaan data peribadi anda adalah untuk, tetapi tidak terhad kepada:

- Penyimpanan rekod dalaman termasuk tetapi tidak terhad kepada pendaftaran kehadiran di mesyuarat (-mesyuarat) agung
- Untuk berkomunikasi dengan anda sebagai proksi untuk pemegang saham Sime Darby Property
- Bagi maksud-maksud keselamatan dan pencegahan penipuan
- Bagi maksud analisis statistik data
- Bagi maksud tadbir urus korporat kami
- Untuk mematuhi apa-apa kehendak di sisi undang undang, statut, dan/atau peraturan

(secara kolektif, "Tujuan-Tujuan tersebut").

Data peribadi anda sedang atau akan dikumpul daripada maklumat yang diberikan oleh anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada, komunikasi-komunikasi pos, faksimili, telefon dan e-mel dengan atau daripada anda, dan maklumat yang diberikan oleh pihak ketiga, termasuk tetapi tidak terhad kepada, Bursa Malaysia Berhad dan apa-apa bursa saham lain, dan broker saham dan remisier anda.

Anda mungkin diperlukan untuk memberikan kepada kami nama, No. KP Baru dan alamat surat-menyerah.

Jika anda gagal memberikan kami data peribadi tersebut, kami mungkin tidak dapat memproses dan/atau menzahirkan data peribadi anda bagi mana-mana Tujuan-Tujuan tersebut.

Sila maklum bahawa data peribadi anda boleh dizahirkan, disebarluaskan dan/atau dipindahkan kepada syarikat-syarikat di dalam Kumpulan Sime Darby Property (termasuk syarikat induk, anak-anak syarikat, syarikat-syarikat berkaitan dan bersekutu tempatan dan antarabangsa), sama ada pada masa kini atau masa hadapan (secara kolektif, "Kumpulan"), atau kepada mana-mana organisasi atau individu pihak ketiga bagi maksud memenuhi tanggungjawab kami kepada anda berkenaan dengan Tujuan-Tujuan tersebut dan bagi semua maksud lain yang berkaitan dengan Tujuan-Tujuan tersebut dan juga untuk memberikan perkhidmatan-perkhidmatan bersepadu, menyelenggara dan menyimpan rekod-rekod termasuk tetapi tidak terhad kepada pendaftar saham atau pendaftar-pendaftar saham yang dilantik oleh kami untuk menguruskan pendaftaran pemegang saham.

Pemprosesan, penzahiran, penyebaran dan/atau pemindahan data peribadi anda oleh kami dan/atau Kumpulan dan/atau organisasi atau individu pihak ketiga mungkin mengakibatkan data peribadi anda dipindah ke luar Malaysia.

Untuk tujuan ini, kami komited dalam memastikan penyulitan, perlindungan, keselamatan dan ketepatan data peribadi anda yang diberikan kepada kami. Adalah tanggungjawab anda untuk memastikan bahawa semua data peribadi yang diberikan kepada kami dan disimpan oleh kami adalah tepat, tidak mengelirukan, terkini dan lengkap dalam semua aspek. Bagi mengelakkan keraguan, kami dan/atau Kumpulan dan/atau pekerja atau pegawai yang diberi kuasa atau ejen kami tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa data peribadi yang diberikan oleh anda kepada kami yang tidak tepat, mengelirukan, bukan terkini dan tidak lengkap.

Selanjutnya, kami boleh meminta bantuan anda untuk memperolehi persetujuan pihak ketiga yang data peribadinya telah diberikan oleh anda kepada kami dan anda dengan ini bersetuju untuk menggunakan usaha terbaik anda untuk berbuat demikian.

Anda boleh pada bila-bila masa selepas penyerahan data peribadi anda kepada kami, meminta untuk mengakses data peribadi anda daripada Tricor Investor & Issuing House Services Sdn Bhd jika:

- anda memerlukan akses kepada dan/atau ingin membuat pembetulan kepada data peribadi anda, tertakluk kepada pematuhan permintaan untuk akses atau pembetulan itu tidak ditolak di bawah peruntukan Akta tersebut dan/atau undang-undang yang sedia ada; atau
- anda ingin membuat pertanyaan mengenai data peribadi anda.

Tricor Investor & Issuing House Services Sdn Bhd
Unit 32-01, Level 32, Tower A
Vertical Business Suite
Avenue 3, Bangsar South
No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur.

Untuk perhatian : Cik Lim Lay Kiow, Pengurus Kanan
No. Tel : +603 2783 9299
E-mel : lay.kiow.lim@my.tricorglobal.com

Apa-apa data peribadi yang dikekalkan oleh kami akan dimusnahkan dan/atau dipadamkan daripada rekod dan sistem kami mengikut polisi penyimpanan kami sekiranya data tersebut tidak lagi diperlukan bagi Tujuan-Tujuan tersebut.

Sekiranya terdapat apa-apa konflik antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia dalam Notis ini, versi Bahasa Inggeris akan mengatasi versi Bahasa Malaysia.

Kami percaya bahawa anda akan bersetuju kepada pemprosesan data peribadi anda dan anda mengakui bahawa anda telah membaca, memahami dan menerima pernyataan-pernyataan dan terma-terma di sini.